



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (22)

Tarikh : 15 November 2014

## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2014 ”KITAR SEMULA TANGGUNGJAWAB SEMUA”

**Serdang, Selangor**, 15 November 2014- Sambutan Hari Kitar Semula 2014 disempurnakan oleh Dato’ Seri Arpah Bt Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini mengangkat tema ’Kitar Semula Tanggungjawab Semua’.

Acara tahunan anjuran Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara kali ini diadakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Malaysian Environmental NGOs (MENGO). Ia merupakan acara kemuncak bagi program-program kesedaran kitar semula yang dilaksanakan diseluruh negara sepanjang tahun. Pengiktirafan dan penghargaan diberikan kepada pihak yang aktif mengamalkan aktiviti 3R seperti sekolah, individu dan juga Syarikat Korporat.

Arpah berkata, “kita mahu lebih ramai dan majoriti rakyat Malaysia akan menjadikan amalan kitar semula sebagai sebahagian dari kehidupan mendorong Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan komited menekankan amalan 3R sebagai komponen paling penting dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini”.

Aktiviti 3R (reduce, reuse, recycle) dan pengasingan sisa di punca telah dikenalpasti sebagai langkah paling penting dan berkesan dalam mengurangkan jumlah penjanaan sisa pepejal dan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan. Kaedah ini telah lama dipraktikkan di negara-negara maju seperti Jepun dan Denmark. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang bergerak ke arah status negara maju menjelang tahun 2020 juga harus meningkatkan aktiviti 3R ini. Dengan pelaksanaan hebahan kempen kesedaran dan “*public education*” ini Kerajaan yakin bahawa Malaysia akan berjaya mencapai sasaran pencapaian kadar kitar semula sebanyak 22% menjelang tahun 2020. Dengan komitmen yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia, pencapaian kita mungkin akan mencapai tahap yang lebih baik lagi. Kerajaan juga sangat komited dalam memastikan kadar kitar semula akan meningkat setiap tahun dengan menjadikan peningkatan kadar kitar semula sebanyak 2% setiap tahun sebagai key performance indicator (kpi) bagi Kementerian ini.

Pada tahun 2015, Kerajaan akan mula untuk melaksanakan hebahan mengenai konsep pengasingan di punca sebagai persediaan untuk melaksanakan sistem tersebut. Selain daripada hebahan mengenai konsep pengasingan di punca, Kementerian saya turut giat dalam menjalankan kempen kesedaran dan program

pendidikan mengenai kitar semula. Kempen dan program ini dijalankan oleh semua pihak termasuk swasta dan badan bukan kerajaan.

Kerajaan mahu penyertaan semua pihak agar bersama-sama komited memastikan sasaran sebanyak 22% itu tercapai. Kita masih mempunyai enam (6) tahun lagi bagi memastikan hasrat tersebut tercapai. Namun yang paling penting sokongan dan ketersediaan setiap lapisan masyarakat dalam menjadikan amalan mengitar semula sebagai sebahagian dari kehidupan harian kerana kita semua bertanggungjawab terhadap masa depan yang sihat dan sejahtera. **Kitar Semula Tanggungjawab Semua!**

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my